



Pengarah Jabatan Pembinaan Bahasa dan Sastera DBP, Md Johari Hasan (tiga dari kiri) bersama ahli penel, Fahmi, Awang dan Sarjit selepas Forum Bahasa Jiwa Bangsa di Putrajaya.

(Foto Ahmad Irham Mohd Noor/BH)

## Kembalikan kedudukan bahasa Melayu di universiti

**Putrajaya:** Hak bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di universiti awam (UA) dan swasta di negara ini perlu dimartabatkan sejajar kedudukannya seperti yang termaktub dalam Perlembagaan.

Hal ini bagi memastikan bahasa itu terus dimartabatkan, selain mengelak daripada berhadapan dengan cabaran yang lebih besar.

Bekas Ketua Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Sarjit Singh, berkata kedudukan bahasa Melayu di universiti dalam negara ini sama ada

UA atau sebaliknya sangat penting, namun berlaku kelompangan termasuk dari segi pelaksanaan dasar sedia ada.

Tegas Sarjit, meskipun ada usaha dibuat bagi menggalakkan penggunaan bahasa Melayu tetapi apa yang berlaku di kebanyakan universiti dalam negara hari ini tidak mencerminkan usaha ke arah memartabatkan penggunaan bahasa kebangsaan itu.

Malah, penerafan jurnal dalam korpus dan semua makalah yang dibuat dalam bahasa Inggeris menyebabkan tiada ruang bagi penyarah mahu menyampaikan il-

mu termasuk bidang sains dan teknologi dalam bahasa Melayu.

"Keupayaan bahasa Melayu sangat penting tetapi dari segi dasar yang dilakukan, ia tidak benar-benar 'masuk' ke dalam universiti.

"Ya audit dan debat dalam bahasa Melayu sememangnya ada, tetapi sepatutnya dijelmakan lebih banyak inisiatif dan geran untuk kajian mengenai bahasa Melayu.

"Usaha ini perlu dilipatgandakan jika tidak bahasa Melayu akan terus diperlekehkan dan hal ini sebenarnya sudah berlaku sejak lima tahun yang lalu tetapi

jarang diberi perhatian," katanya pada Forum Bahasa Jiwa Bangsa di Perbadanan Putrajaya, di sini.

Turut serta pada forum itu ialah Ahli Parlimen Lembah Pantai, Fahmi Fadzil dan bekas Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Prof Datuk Dr Awang Sariyan.

Sarjit berkata, apa yang perlu dilakukan ialah mewujudkan strategi baharu bagi mengimbangi penggunaan bahasa Inggeris dan pada masa sama terus memartabatkan bahasa Melayu.

"Disebabkan mahu menarik ramai pelajar antarabangsa masuk

ke negara ini maka universiti mula menggunakan bahasa Inggeris dan ini sebenarnya memberi kesan yang besar kepada keupayaan bahasa Melayu itu sendiri.

"Inilah antara keadaan yang perlu diberi perhatian khususnya oleh Jabatan Pendidikan Tinggi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia," katanya.

Sementara itu Fahmi berhasrat untuk melihat kerjasama DBP bagi menghasilkan suasana penggunaan bahasa Melayu yang lebih baik dan positif terutama dalam kalangan ahli parlimen yang bersidang di Parlimen Malaysia.